UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

# PIONEERING EDUCATIONAL PERSPECTIVES

Series 2025

THE World University Rankings 2023 TOP 1501+
TOP 128 UI GreenMetric
MDEC Premier Digital Tech Institution
THE IMPACT RANKINGS 2022 TOP 101-200
MyRA

# PIONEERING EDUCATIONAL PERSPECTIVES

## Series 2025


Chief Editors:
Nur Alyani binti Khairol Anuar
Muhammad Irfan bin Mokhtar

Editors:
Aqeela binti Ahmad Kamiri
Hawa Syamsina binti Md Supie
Nurul Nadiah binti Rasdi
Qistina Azra binti Mohani
Siti Aishah binti Taib
Nurul Hijah binti Jasman
Siti Mariam binti Mohammad Iliyas



Published by:
Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA
Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang, Jalan Purnama,
Bandar Seri Alam, 81750 Masai, Johor Darul Ta'zim.
07-3818455
edgii.apbpg@gmail.com

Copyright © Pioneering Educational Perspectives: Series 2025

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced in any form or by electronic or mechanical means, including information storage and retrieval systems, or transmitted in any form or by any means, without the prior permission in writing from the publisher.

e-ISBN : 978-967-0033-31-0

Published date: 2025

Chief Editors:
Nur Alyani binti Khairol Anuar
Muhammad Irfan bin Mokhtar

Editors:
Aqeela binti Ahmad Kamiri
Hawa Syamsina binti Md Supie
Nurul Nadiah binti Rasdi
Qistina Azra binti Mohani
Siti Aishah binti Taib
Nurul Hijah binti Jasman
Siti Mariam binti Mohammad Iliyas

Published by:
Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang, Jalan Purnama, Bandar Seri Alam, 81750 Masai, Johor Darul Ta'zim.
07-3818455
edgii.apbpg@gmail.com

# Preface

Pioneering Educational Perspectives: Series 2025 is a collection of thought-provoking insights and research contributions exploring contemporary educational trends and practices. This eBook presents a diverse range of perspectives on innovative teaching methodologies, digital learning strategies, and transformative approaches in education. Designed to serve as a resource for educators, researchers, and practitioners, it aims to inspire meaningful discussions and advancements in the field. Through carefully curated chapters, this publication offers fresh ideas and practical solutions to enhance learning experiences in an ever-evolving educational landscape.

e-ISBN: 978-967-0033-31-0

Muhamad Arrysydi bin A Rizal[1], Suhanah Rosnan[2,*] ..... 316

FOCUSENIGMA - UNLOCK THE MYSTERIES OF MASTERFUL ATTENTION ..... 320

Choong Zhuo Lin[1,*], Shakirin Ahmad Bakary[2], Ho Chun Yi[3], Wong Yi Cheng[4] & Cheong Lip Ken[5] ..... 320

ELYWARE: AN APP DESIGNED TO STREAMLINE STUDENT AND LECTURER MANAGEMENT... 324

Sri Raj Jegan, Fitri Hazim Bin Bahrin, Nezsarn Sivanesan, Maisara Binti Mohamed Redzuan ,Nur Aleeya Binti Zulkapli &Nurul Husna Bt Mat Zaki ..... 324

AI-BASED TEACHING ASSISTANT (SMART TUTOR) ..... 328

Abdul Rahim Mohd Sobri[1],*, Ahmad Affandi Danial Nasri[1], Siti Arnasha Azman[2], Fauzan Iliya Khalid[2] & Sevakumar A/L Batumalai[2] ..... 328

RAJAH RAMA-RAMA : ALAT MEMPELAJARI KATA TUNJUK BAHASA ARAB ..... 332

Nida Nazifah Azmi[1], Siti Nurmaisarah Fkhururazi[2]*, Siti Fatimah Mohamad Radzi[3], Munirah Azrae[4], Farhana Idris[5]..... 332

THE MAGICAL JOURNEY INTO THE WORLD OF RENEWABLE ENERGY: AN AI-DRIVEN EDUCATIONAL VIDEO FOR POWER SYSTEM COURSE IN POLITEKNIK MALAYSIA ..... 335

Kaliyamah Raman*, Norazlinda binti Mohamed, Eddyzulham Abu Bakar, Shaiful Bahari Mohamad Norani & Syazaliah binti Salim..... 335

EXPLORING HISTORY THROUGH TIKTOK AS A MODERN LEARNING TOOL ..... 339

Syaimak Ismail[1*], Muhammad Saiful Islam Ismail[2] ..... 339

e-ISBN: 978-967-0033-31-0

# RAJAH RAMA-RAMA : ALAT MEMPELAJARI KATA TUNJUK BAHASA ARAB

Nida Nazifah Azmi[1], Siti Nurmaisarah Fkhururazi[2]*, Siti Fatimah Mohamad Radzi[3], Munirah Azrae[4] & Farhana Idris[5]

*[1]Fakulti Syariah dan Pengajian Islam, Universiti Yarmouk, Irbid, Jordan*
*[2]Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang, Johor*
*[345]Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor, Kampus Segamat, Johor*

**Penulis Koresponden: sitinurmaisarah@uitm.edu.my*

**ABSTRAK**
Pembelajaran bahasa Arab kini menyeliputi setiap peringkat dalam pendidikan termasuk kanak-kanak di pra sekolah dan tahap rendah di sekolah kebangsaan. Namun, demi mewujudkan keseragaman proses perkembangan kanak-kanak dengan perkembangan teknologi, kanak-kanak perlu pantas belajar, berkemahiran dan kritis berfikir. Kesannya, pendidikan di tahap rendah bagi kanak-kanak di sekolah kebangsaan sangat sarat. Rajah Rama-Rama ini dicipta sebagai alat membantu pelajar tahun satu KAFA mempelajari dan memahami isim isyārah(kata tunjuk) dengan mudah. Terdapat empat bahagian pada kedua sayapnya dan setiap bahagian mengandungi perkataan kata tunjuk dan kaedah penggunaannya.

**KATA KUNCI**: Isim Isyārah, Rajah, Alat, Mempelajari

## MASALAH DAN OBJEKTIF

Pembelajaran abad 21 kini tidak lagi tertumpu kepada guru semata-mata. Pembelajaran berorientasikan murid menjadi landasan demi melahirkan pelajar yang berfikiran kritis, matang dan berkemahiran tinggi. Malah, sukatan pembelajaran kini juga semakin jauh kehadapan jika dibandingkan dengan peringkat dan kelayakkan pelajar menerima sesuatu ilmu tersebut. Hal ini terjadi kepada semua mata pelajaran termasuk pembelajaran bahasa ketiga, iaitu bahasa Arab (BA). Murid tahun satu Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) diajar penggunaan kata tunjuk(isim isyārah) serta penggunaanya dalam ayat. Menurut Kasmudi (2022) dalam kajian yang dilakukan ke atas pelajar peringkat menengah, masih ramai pelajar yang sulit membedakan kata tunjuk berdasarkan jumlah dan jenisnya. Sebagai kemudahan, Rajah Rama-Rama diwujudkan dengan objektif untuk membantu melicinkan proses pembelarajan pelajar tahap satu tentang kaedah kata tunjuk dalam bahasa Arab.

## PENERANGAN REKA BENTUK

### PENGENALAN ASAS KATA TUNJUK (BA) DAN PENGGUNAANNYA

Kata tunjuk yang bermaksud isim isyārah dalam bahasa Arab tetap terbahagi kepada dua, iaitu kata tunjuk bagi sesuatu objek yang dekat dan objek yang jauh. Namun, terdapat empat perkataan yang menjadi asas digunakan dalam isim isyārah ini. Setiap penggunaannya dipengaruhi oleh dua faktor iaitu (1) kedudukan objek serta (2) jantina objek. Perbincangan empat perkataan asas ini berkaitan silibus sekolah agama KAFA, iaitu tertumpu kepada objek yang dekat dan jauh dan bilangannya satu atau sedikit sahaja (singular).

e-ISBN: 978-967-0033-31-0

| **Bahasa** | **Kata Tunjuk** | | | |
|---|---|---|---|---|
| | **Dekat** | | **Jauh** | |
| | **Maskulin / Lelaki** | **Feminin / Perempuan** | **Maskulin / Lelaki** | **Feminin / Perempuan** |
| Bahasa Melayu | Ini | | Itu | |
| Bahasa Inggeris | This | | That | |
| Bahasa Arab | Hadza (هَذَا) | Hadzi (هَذِه) | Dzalika (ذَلِك) | Tikla (تِلْك) |


Rajah 1

Rajah 1 menunjukkan perbezaan penggunaan kata tunjuk yang digunakan oleh bahasa Arab dan dua bahasa utama yang dipelajari oleh pelajar di Malaysia. Namun, perbezaan ini hanya melibatkan objek yang bilangannya satu atau sedikit sahaja.

## REKA BENTUK PRODUK DAN LANGKAH PENGGUNAAN

Inovasi ini telah mengaplikasikan rajah rama-rama kerana ciri sayapnya yang terbahagi kepada empat. Maka, setiap satu bahagian sayap mewakili satu perkataan dalam isim isyārah. Perkataan yang terdapat di sayap kanan sesuai digunakan untuk menunjukkan objek yang maskulin, manakala perkataan di sebelah sayap kiri untuk menunjukkan objek yang bercirikan feminin. Seterusnya, terdapat satu garisan merah, membawa maksud perkataan yang berada di sayap atas digunakan untuk menunjukkan objek yang dekat. Meskipun terdapat dua perkataan, maksudnya tetap sama iaitu ini. Manakala, perkataan yang wujud di sayap bawah pula menunjukkan objek yang berada di tempat yang jauh.

## VISUAL




Gambar 2

Gambar 2 menunjukkan Rajah Rama-rama sebagai alat bantuan dalam mempelajari isim isyārah bagi murid tahap satu KAFA.

## NOVELTI DAN KEUNIKAN

Nadir untuk menjumpai pembelajaran isim isyārah menggunakan gambar haiwan. Banyak bahan bantuan mengajar bagi topik ini menggunakan jadual(table) sahaja tanpa tarikan warna dan pengasingan secara visual dan nyata. Tambahan, jadual-jadual isim isyārah yang telah ada tidak sesuai dirujuk oleh murid-murid tahap satu bagi sekolah agama KAFA. Justeru, Rajah Rama-Rama ini diinovasi khas menggunakan rajah haiwan, disertai dengan warna dan mempunyai pengasingan yang jelas secara visual akan penggunaan setiap perkataan khusus bagi membantu murid-murid di peringkat rendah.

e-ISBN: 978-967-0033-31-0

## MANFAAT

Hakikatnya, Rajah Rama-Rama ini bukan sahaja berfungsi membantu golongan murid peringkat rendah sahaja, malah golongan dewasa dan warga emas yang baru mula mempelajari bahasa Arab juga sesuai menggunakan rajah ini. Rajah ini pernah diaplikasikan kepada pelajar tahun satu di salah satu sekolah rendah agama di daerah Muar, pelajar diberi tugasan untuk membuat satu rakaman bagi menerangkan semula penggunaan isim isyārah berpandukan rajah ini. Hasilnya, pelajar mampu menerangkan dengan baik. Ini membuktikan, bahan bantuan mengajar seperti ini mampu menambah baik kualiti pengajaran pengajar dan seterusnya meningkatkat prestasi kecemerlangan murid seperti yang dinyatakan dalam kajian milik Farihah Hussain et al.(2020) dan Abdul Rashid Ismail (2013).

## POTENSI KOMERSIAL

Rajah Rama-Rama ini sangat sesuai untuk dijual dalam bentuk poster atau memo kad bersaiz A4. Ini bagi memudahkan proses rujukan dilakukan oleh sasaran pengguna utama iaitu murid tahap satu di peringkat rendah persekolahan. Namun, bagi golongan dewasa, rajah ini boleh juga imiliki dengan cara yang sama atau melalui gambar digital.

## KESIMPULAN

Inovasi ini dilihat mampu menjadi alat bantuan berkualiti bagi membantu murid dan juga para pendidik melaksanakan proses pembelajaran dan pengajaran bagi topik asas kata tunjuk dalam bahasa Arab.

## RUJUKAN

Kasmudi. (2022). Analisis Kemampuan Penggunaan Isim Isyarah Dalam Pembelajaran Bahasa Arab Siswi Mts Darul Huffaz Pesawaran. An-Naba, 5(1), 84-93. http://dx.doi.org/10.51614/annaba.v5i1.124

Farihah, H., Nik Mohd Rahimi, N. Y., Maimun Aqha Lubis, A. L., Mohammad Zamri, J. (2020). Amalan Bahan Bantu Pengajaran Guru Dalam Pengajaran Nahu Kurikulum Bersepadu Dini Sekolah Agama

Abdul Rasid, J., Hasmah, I. (2013). Pelaksanaan Pembelajaran Menyeronokkan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bajasa Melayu. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu- JPBM 2013, 3(2), 49-63 Microsoft Word - 49-63 Rasid.UPM.docx (ukm.my)